



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

KENYATAAN MEDIA

MENTERI PERPADUAN NEGARA

KOMPLEKS PERPADUAN NEGERI PERLIS USAHA KERAJAAN MADANI MEMPERKUKUH AGENDA PEMBINAAN NEGARA BANGSA

PUTRAJAYA, 6 September – Pembangunan Kompleks Perpaduan Negeri Perlis merupakan antara usaha Kerajaan MADANI dalam **memperkukuh infrastruktur dan ekosistem perpaduan negara, khususnya di peringkat negeri dan komuniti**. Kompleks ini merupakan Kompleks Perpaduan kedua yang dibangunkan sebagai pusat sehenti bagi pelaksanaan perkhidmatan, pendidikan dan program kemasyarakatan berteraskan perpaduan.

Projek yang dimulakan pada 20 Februari 2024 dan dijangka siap pada 19 Oktober 2026 ini akan merangkumi **Pejabat Perpaduan Negeri, TASKA Perpaduan, TABIKA Perpaduan, Pusat Mediasi Komuniti, Pusat Rukun Tetangga, Dewan Gunasama serta Perpustakaan Mini**.

Pembangunan ini mencerminkan komitmen Kerajaan MADANI untuk menyediakan ruang yang mempertemukan masyarakat, memperluas interaksi antara komuniti serta memupuk persefahaman, keharmonian dan rasa kebersamaan. **Usaha ini selari dengan aspirasi Pembinaan Negara Bangsa yang menjadi antara agenda utama Kementerian Perpaduan Negara**.

Kerajaan MADANI akan terus memperkukuh usaha ini menerusi perancangan pembangunan Kompleks Perpaduan ketiga di Bukit Besar, Kuala Terengganu pada tahun 2027 di bawah Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMK13). Pembangunan kompleks-kompleks ini akan terus menjadi platform strategik dalam mendekatkan agenda perpaduan kepada rakyat serta membina Malaysia yang lebih bersatu, harmoni dan inklusif.

YB DATUK AARON AGO DAGANG

Menteri Perpaduan Negara

6 September 2026

